

Moratorium e-waste: Sistem kita bocor?

Oleh KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN

Di sebalik slogan kelestarian dan komitmen hijau yang sering dilaungkan di pentas antarabangsa, Malaysia kini berdepan hakikat pahit apabila dilihat semakin hampir menjadi 'tong sampah elektronik dunia' versi halal dan berlesen. Negara yang suatu ketika gah dengan aspirasi ekonomi mampan ini terus menjadi destinasi pilihan pelupusan sisa elektronik (e-waste) haram dari negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Jepun, Jerman dan United Kingdom.

Hakikat ini bukan lagi sekadar persepsi. Data terkini mendedahkan lebih 200 loji kitar semula e-waste haram beroperasi di seluruh negara, manakala lebih 1,000 kontena berisi bertan-tan sisa elektronik dilaporkan masuk dan diproses secara haram hanya dalam tempoh Oktober 2023. Fenomena ini bukan sahaja mencabul undang-undang alam sekitar, malah mendedahkan kelemahan serius sistem penguatkuasaan serta persoalan integriti pihak berkepentingan.

Lebih membimbangkan, e-waste yang dikategorikan sebagai buangan terjadual SW110 di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 mengandungi bahan toksik berisiko tinggi seperti raksa, kadmium, plumbum dan litium yang menjadi ancaman senyap kepada kesihatan awam, sumber air, tanah serta keselamatan ekosistem negara.

Namun, Malaysia terus dilabelkan antara pengimport sisa terbesar dunia sejak 2023 menurut laporan OECD 2025, sekali gus mengangkat isu ini daripada krisis alam sekitar kepada isu tadbir urus dan kepentingan nasional.

Cadangan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk melaksanakan moratorium sementara selama enam bulan ke atas kemasukan sisa plastik dan e-waste dilihat sebagai isyarat jelas bahawa masalah ini telah melangkaui soal teknikal. Pelaksanaan moratorium memberi ruang kepada kerajaan menilai semula kelemahan sistem kawal selia, namun persoalan kekal sama ada langkah sementara itu mampu menutup kebocoran struktur yang telah lama berakar.

Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin berkata, jabatan itu menyokong penuh penubuhan Pasukan Petugas Khas Hala Tuju Pengurusan Penguatkuasaan Pengimportan Sisa Plastik dan E-waste Dalam Negara yang dipengerusikan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki.

"JKDM melihat penubuhan pasukan ini sebagai satu platform penting untuk membincangkan dan menyelaraskan tindakan semua



Antara rampasan e-waste yang dilakukan di Jalan Batu Anam Buloh Kasap, Segamat oleh Batalion 5 Pasukan Gerakan Am.



ANIS RIZANA



JALALUDDIN

kemasukan sisa plastik dan e-waste ke dalam negara," katanya.

Menurut beliau, bermula 1 Januari 2025, peranan JKDM di pintu masuk negara telah diambil alih oleh Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (AKPS)

bermula di ICQS Rantau Panjang sebelum diperluaskan ke 21 pintu masuk utama lain mulai 1 Oktober 2025.

"Secara keseluruhan, AKPS kini berada di 22 pintu masuk utama negara. Walaupun peranan tersebut telah diambil alih, JKDM terus memperkukuh komitmennya dengan memastikan setiap pengikliran yang dibuat adalah tepat dan betul," jelasnya.

Anis Rizana menegaskan, JKDM tidak mengeluarkan permit kelulusan import, sebaliknya bertanggungjawab melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang tadbiran yang ditetapkan oleh agensi kerajaan lain.

Beliau berkata, pengimportan e-waste tertakluk kepada kawal selia Jabatan Alam Sekitar (JAS) di bawah Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), manakala sisa plastik berada di bawah kawal selia SIRIM Berhad di bawah Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI).

"JKDM berusaha memastikan tiada sebarang dagangan dilepaskan tanpa permit serta dokumen sokongan yang sah.

"Bagi mana-mana kontena yang disyaki mengandungi e-waste akan diserahkan kepada JAS untuk tujuan pengesanan teknikal,"

ujar beliau.

Sehingga 30 September 2025, beliau mendedahkan sebanyak 600 kontena e-waste ditahan di Pelabuhan Klang dengan 593 daripadanya diserahkan kepada JAS.

"JKDM menggesa agensi kawal selia dan pihak berkuasa tempatan agar mengambil langkah lebih agresif bagi mencegah penubuhan dan operasi kilang pemprosesan sisa haram," tambahnya.

Kegagalan sistem menyeluruh

Bagaimanapun, bekas Pengarah JAS Selangor, Jalaluddin Ismail agak skeptikal dengan cadangan moratorium enam bulan kemasukan e-waste.

Beliau berpandangan, masalah sebenar bukan sekadar di pintu masuk sebaliknya kegagalan sistem secara menyeluruh.

"Nilai rampasan dan sitaan e-waste kini bukan lagi berskala kecil, sebaliknya mencecah jutaan ringgit bagi setiap operasi, tetapi keuntungan tersebut langsung tidak memberi manfaat kepada rakyat Malaysia," katanya.

Menurut beliau, keseluruhan rantaian operasi e-waste dikuasai pihak asing daripada operator, saintis hinggalah pemprosesan teknologi terutama dari negara China.

"Selain itu, teknologi yang digunakan bukan teknologi hijau atau canggih, sebaliknya hanya melibatkan proses peleburan e-waste menjadi jongkong yang akhirnya membawa risiko pencemaran serius," ujar-nya.

Beliau turut mendakwa operasi terbabit kini dilakukan secara terbuka di kawasan

Selain itu, teknologi yang digunakan bukan teknologi hijau atau canggih, sebaliknya hanya melibatkan proses peleburan e-waste menjadi jongkong yang akhirnya membawa risiko pencemaran serius."

- Jalaluddin

industri, malah wujud situasi pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi berkaitan tidak menyedari kewujudan operasi itu.

"Antara pendedahan paling kritikal ialah kewujudan pusat pengumpulan barang rosak atau lusuh yang kini berfungsi sebagai lubang e-waste tidak rasmi.

"Dengan lesen sah untuk barang lusuh, pusat-pusat ini secara terbuka mengiklankan penerimaan peralatan elektronik terpakai seperti komputer, televisyen dan penyaman udara.

"Keadaan ini membuka ruang besar kepada aktiviti e-waste haram yang sukar dikesan kerana beroperasi di bawah lesen yang kelihatan sah," tegas beliau.

Menurut Jalaluddin, banyak kes melibatkan pengisytiharan palsu dan pemalsuan dokumen bagi mengelak pengesanan pihak berkuasa.

"Hakikatnya, saya mempersoalkan mengapa sistem ini gagal menghalang kebocoran sisa toksik secara haram, sedangkan secara teori ia sepatutnya menjadikan pembuangan haram hampir mustahil," luah beliau.

Katanya, pasukan khas hanya berkesan jika disertai penguatkuasaan tegas dan berperingkat termasuk pendakwaan, sitaan serta penutupan operasi terhadap pesalah berulang.

"Tanpa pendekatan bersifat pencegah, Malaysia berisiko terus dilihat sebagai destinasi mudah untuk sisa toksik dan e-waste antarabangsa dalam masa terdekat," tambahnya.